

**Parlimen: Pindaan Akta Profesion Undang-undang Dilulus Dewan Rakyat  
Bernama  
13 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Selepas melalui sesi perbahasan selama tiga hari, Dewan Rakyat Rabu meluluskan Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2012 yang membolehkan firma guaman asing menjalankan amalan di Malaysia.

Pindaan Akta Profesion Undang-Undang 1976 itu mewajibkan rakan kongsi kanan firma guaman asing itu berada di Malaysia untuk tempoh 182 hari setahun bagi memastikan berlakunya perpindahan kepakaran antara peguam asing dan tempatan.

Pindaan yang dibentang pada 18 April lepas, memasukkan bahagian baru berkaitan meliberalisasi profesion undang-undang di Malaysia bagi memajukan Malaysia menjadi hab kewangan Islam antarabangsa selain mengembangkan kerja, kepakaran dan pengkhususan profesion undang-undang di Malaysia.

Ketika menggulung perbahasan itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong berkata peguam asing tidak sewenang-wenangnya diberi kebenaran mewakili semua kes tempatan antaranya melibatkan kepentingan dan kedaulatan negara ini.

"Kami tidak halang terus, jika peguam asing ada kepakaran terhadap sesuatu kes tempatan yang tidak dibenarkan mereka boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi secara 'ad-hoc'... apa yang penting ialah mencari kebenaran terhadap kes itu," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672783>